

PM yakin Malaysia mampu bangkit jadi negara gagah

Anwar sifatkan pertumbuhan ekonomi pada tahap 5.8 peratus sebagai pencapaian luar jangkaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin Malaysia mampu bangkit menjadi sebuah negara yang gagah melalui kerjasama dan tumpuan kepada pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu dapat dilihat menerusi pertumbuhan ekonomi negara yang dicatatkan pada tahap 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menyifatkan pertumbuhan itu sebagai pencapaian luar jangkaan biasa mahupun unjuran yang dikemukakan oleh semua pihak.

"Dalam (kerangka) Ekonomi MADANI, kita janjikan peluang pekerjaan, latihan, pemindahan teknologi lebih baik, ke arah digital (dan) transisi tenaga.

"Alhamdulillah, kita sudah memecah tembok kerunsingan dengan mencatat pertumbuhan (ekonomi) menakjubkan 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini.

"Terima kasih kepada rakyat, pekerja, profesional (dan) pelabur. Ini akan memberikan kesempatan kepada kita untuk bangkit sebagai negara gagah dan saya yakin dengan kerjasama dan tumpuan kita kepada pembangunan ekonomi, kita akan berjaya," katanya melalui rakaman dimuat naik pada platform media sosial Ahli Parlimen Tambun itu, pagi semalam.

Kelmarin, Jabatan Perangkaan (DOSM) dilapor menjangkakan ekonomi negara berkembang 5.8 peratus pada suku kedua 2024, meningkat daripada 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Bagi separuh pertama 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat lima peratus berbanding 4.1 peratus bagi tempoh sama tahun lalu, sekali gus seiring unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu antara empat hingga lima 5 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, dilapor berkata pertumbuhan pada suku kedua 2024 itu juga adalah yang tertinggi sejak suku keempat 2022 pada 7.4 peratus.

Matlamat Kerajaan MADANI Sementara itu, Anwar dalam kenyataan berasingan malam kelmarin, berkata matlamat Kerajaan MADANI adalah untuk mengubah Malaysia secara positif buat semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama atau kedudukan.


Justeru, katanya, pencapaian berkenaan akan dijadikan asas untuk memacu dan mengilhamkan kerajaan untuk terus berusaha, terutama dalam membuat keputusan sukar yang sekian lama tertangguh demi mempercepat proses transformasi diperlukan negara.

Beliau juga percaya usaha ke-

ras Kerajaan MADANI kini mula memberikan hasil walaupun ia masih di peringkat permulaan bagi kemajuan ekonomi mapan dalam jangka panjang.

"Walaupun angka ini mengembirakan dan kita harus mengambil maklum secara positif, saya juga sadar ramai rakyat mungkin masih berdepan cabaran ekonomi.

"Namun, saya berhasrat untuk mewujudkan peluang pekerjaan lebih baik dengan kadar upah setimpal bagi membolehkan rakyat bukan hanya berdepan kos sara hidup, sebaliknya berupaya merealisasikan impian masing-masing," katanya.



Ekonomi Malaysia diunjur 5.8 peratus suku kedua 2024

Keratan akhbar BH, semalam.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Ekonomi MADANI dilancarkan tahun lalu bersama inisiatif terkini seperti Strategi Semikonduktor Negara, memainkan peranan penting dalam menarik pelaburan berbilion dolar daripada peneraju teknologi global dunia.

Beliau berkata, jaminan pelaburan juga semakin hampir direalisasikan dengan projek sedia ada akan menyediakan peluang baharu untuk industri pembuatan secara keseluruhan, terutama bagi sektor elektrik dan elektronik untuk berkembang pesat ke arah pengeluaran bernilai tinggi.